

RANCANGAN PERNIAGAAN

E-BU TELEKOMUNIKASI & EXS

SKIM LATIHAN GALAKAN PERNIAGAAN

KAKITANGAN KERAJAAN

2008

15-04-2008 hingga 14-08-2008

(SEKTOR PERDAGANGAN)

Disediakan Oleh : Hjh Hatimah binti Abu Samah

Kedai : E-BU TELEKOMUNIKASI & EXS.

Alamat Lokasi : No. 1, Kg. Padang Sari,
Batu Pahat, Johor.

Tarikh Siap RP: 25HB JULAI 2008

PENGHARGAAN

Assalamualaikum,


Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T. di atas keizinan Nya jua maka kertas Rancangan Perniagaan ini dapat dihasilkan dengan jayanya. Saya berasa amat bertuah kerana telah dipilih untuk menyertai Kursus Latihan Galakan Perniagaan Kakitangan Kerajaan 2008 selama empat bulan.

Saya ingin merakamkan setinggi –tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama, bimbingan, tunjuk ajar serta sokongan sehingga dapat saya menjalani kursus dan mendapat ilmu dalam keusahawan ini.

Kementerian, Jabatan dan orang persaorangan yang terlibat seperti berikut;

- i. Kementerian Pembangunan Usahawan
- ii. Urusetia Kursus
- iii. Bahagian Latihan dan Bimbingan Usahawan MARA
- iv. Fasilitator – fasilitator
- v. Rakan-rakan sekursus
- vi. Rakan-rakan sama bidang (Perdagangan)
- vii. Tidak dilupakan juga keluarga tersayang yang memahami dan memberikan inspirasi dalam meneruskan usaha ini.

**PERJALANAN PENUBUHAN
PERNIAGAAN E-BU TELEKOMUNIKASI & EXS
MENGIKUT CARTA**



RINGKASAN EKSEKUTIF

ISI KANDUNGAN

RINGKASAN EKSEKUTIF

- 1.0 PENGENALAN
- 2.0 TUJUAN
- 3.0 LATAR BELAKANG PERNIAGAAN
- 4.0 LATAR BELAKANG PEMILIK
- 5.0 SKOP PERNIAGAAN
- 6.0 PENGURUSAN
- 7.0 TEKNIKAL DAN PERKHIDMATAN
- 8.0 PEMASARAN
- 9.0 KEWANGAN
- 10.0 LAMPIRAN



PENGENALAN

1.0 PENGENALAN

Perniagaan ini adalah merupakan kedai yang menjalankan perkhidmatan menjual kad telefon, perkhidmatan yang berkaitan dengannya serta perkhidmatan lain seperti fotostat, binding, laminate dan lain-lain kepada pelanggan di sekitar kawasan kampung yang berdekatan, kawasan perumahan, kawasan perindustrian Sri Sulong, MRSM, sekolah Rendah berhampiran serta pelajar –pelajar sekolah.

Perkhidmatan Telekomunikasi ini diberi nama **E-BU TELEKOMUNIKASI & EXS.**

Akan beroperasi di kawasan ditepi Jalan Besar Simpang Lima ke Parit Sulong, Batu Pahat. Behampiran dengan Taman Perumahan, Taman Perindustrian, MRSM dan dikelilingi kawasan yang terus membangun.

Mengikut pada kajian persekitaran dan kajian pemasaran yang dilakukan serta strategi pemasaran dengan pembahagian peratus pesaing pada kekuatan yang ada syarikat ini mampu berdaya maju kelak. Perniagaan ini mempunyai ciri- ciri berdaya maju kerana permintaan adalah konsisten. Selain itu perancangan yang teliti dan professional yang menjadi kunci utama perniagaan ini dan menjamin pontensi perniagaan di masa hadapan malah dapat menyumbang kearah perkembangan ekonomi Negara.

Kedai E-BU TELEKOMUNIKASI & EXS. akan didaftarkan pada awal Januari 2008, merupakan sebuah perniagaan pemilikan Tunggal.

Pemilik Kedai ini juga telah menyertai Skim Latihan Galakan Perniagaan Kakitangan Kerajaan 2008 anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (MECD) dengan kerjasama Majlis Amanah Rakyat (MARA) bagi meningkatkan kemahiran pengurusan perniagaannya. Melalui latihan yang dihadiri pemilik telah dapat menimba banyak pengalaman dan pengetahuan yang amat berguna bagi menguruskan perniagaan sendiri apabila bersara sepenuhnya tidak lama lagi.

TUJUAN

2.0 TUJUAN KERTAS KERJA

Tujuan kertas kerja ini disediakan adalah untuk membentangkan segala perancangan perniagaan yang telah dirangka bagi menjalankan perniagaan Telekomunikasi dan lain-lain perkhidmatan. Melalui kertas kerja ini segala aspek perkhidmatan, pengurusan, pemasaran, dan kewangan akan diterangkan dengan jelas seterusnya memohon kemudahan pembiayaan daripada **pihak MARA berjumlah RM 50,000.00** (Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu sahaja) . Disamping itu kertas kerja ini disediakan bagi memenuhi salah satu syarat wajib bagi para peserta untuk menamatkan program Latihan Galakan Perniagaan kakitangan Kerajaan yang disertai. Tempoh pembiayaan kewangan adalah selama 5 tahun (**60 bulan**) dan KEDAI E-BU TELEKOMUNIKASI & EXS. turut memohon **tempoh bernafas selama 3 bulan**.

Penggiraan Pembiayaan:

Nilai Pembiayaan	:RM 50,000.00
Kadar Keuntungan	:4% setahun
Keuntungan Pembiayaan	:RM50,000 @ 4 % = RM 2,000.00
Jumlah Pembiayaan	:RM 50,000 + RM 10,000.00 = RM 60,000.00
Bayaran Balik Bulanan	:RM 50,000.00/ 60 bulan
Bayaran Bulanan	: RM 1,000.00 sebulan
Bayaran pokok	:50,000.00 / 60 = 833.33
Bayaran keuntungan	:10,000.00 /60 = RM 166.67

Nota: Pengiraan keuntungan pembiayaan kewangan adalah menggunakan **Kaedah Garis Lurus** bagi memudahkan penyediaan Anggaran Aliran Tunai dan anggaran bayaran balik pembiayaan. Bayaran bulanan sebenar adalah lebih kecil jika menggunakan kaedah baki berkurangan.

LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

3.0 LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

Nama Perniagaan	:	E-BU TELEKOMUNIKASI & EXS
Alamat Berdaftar	:	No. 1, Kg. Padang Sari, Batu Pahat, Johor.
Alamat Operasi / Kedai	:	Sama di atas
No. Daftar Perniagaan	:	
Tarikh Pendaftaran	:	Januari 2008 (Secepat mungkin)
Aktiviti Perniagaan	:	Perkhidmatan Telekomunikasi, Khidmat Fotostat, Laminate, binding dan altulis.
Bentuk Perniagaan	:	Perkongsian
Modal Permulaan	:	RM 10,000.00
Rakan Kongsi	1 :	Hatimah binti Abu Samah No. K/P : 580925-01-5364
	2.	Rahmat bin Hasbolah 500419-01-5887

Daftar perniagaan dan salinan kad pengenalan adalah seperti di lampiran 1.

4.0 LATAR BELAKANG RAKAN KONGSI

RAKAN KONGSI I :

Nama : Hatimah Binti Abu Samah

Jawatan : Pengerusi

No. K/ Pengenalan : 580925-01-5364

Tarikh Lahir : 25-09-1958

Bangsa / Agama : Melayu / Islam

Taraf Perkahwinan : Berkahwin

Kelulusan Akademik : SPM

Pengalaman Kerja : Mula khidmat 1980
Jawatan Sekarang ; Pembantu Tadbir Kanan N-22

Majikan : Kementerian Pelajaran Malaysia (SMK Tenggara A ,
Mersing, Johor,

Kursus Yang Dihadiri : Kursus Latihan Asas Perniagaan Bil
Pada : 12/8/2007 HINGGA 17/8/2007
Di Hotel Brisdale Kuala Lumpur

Penganjur : Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi

: Skim Latihan Galakan Perniagaan Kakitangan Kerajaan
14. April , 2008 - 15. Ogos 2008
Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi

Dengan Kerjasama Majlis Amanah Rakyat (MARA)

4.1. **LATAR BELAKANG RAKAN KONGSI**

RAKAN KONGSI II :

Nama : RAHMAT BIN HASBOLAH

Jawatan : Pegawai Eksekutif (CEO)

No. K/ Pengenalan : 500419-01-5887

Tarikh Lahir : 19.4.1950

Bangsa / Agama : Melayu / Islam

Taraf Perkahwinan : Berkahwin

Kelulusan Akademik : SPM

Pengalaman Kerja : Mula khidmat 1975 (pegawai di LPN, Pasir Gudang)

Majikan : Menjadi Peneroka Felda mulai tahun 1990
Pengurus Felda, Telda Tenggaroh 6, Mersing, Johor.

Kursus Yang Dihadiri : Belum menghadiri sebarang kursus yang Khusus.

5.0 SKOP PERNIAGAAN

5.1 Aktiviti Perniagaan

Di antara aktiviti perniagaan utama yang dijalankan oleh Kedai E-BU TELEKOMUNIKASI & EXS ialah jualan kad telefon memberi perkhidmatan

yang berkaitan dengannya, peralatan alatan gantian perkhidmatan fotostat, binding, laminate dan lain-lain yang berkaitan.

5.2 Perkhidmatan Utama

5.2.1 Jualan Kad Telefon , Telefon dan peralatannya

Menerima perkhidmatan untuk

5.2.2. Fotostat, Binding, laminate dll.

5.3 Potensi Perniagaan

Berdasarkan kepada analisa serta kajian pasaran yang telah dibuat perniagaan ini mempunyai potensi yang cukup besar untuk berkembang maju di sekitar 10% hingga 20% setahun. E-BU TELEKOMUNIKASI & EXS akan memastikan perkhidmatan yang ditawarkan berada ditahap yang memuaskan hati pelanggan, faktor-faktor berikut juga menyumbang kepada perkembangan secara positif.


- i. Lokasi kedai yang terletak dikawasan yang strategi dan mudah dikunjungi pelanggan.
- ii. Kedudukan di Jalan Utama Terdapat MRSM , Kawasan Perindustrian, dan perkampungan persekitaran..
- iii. Terdapatnya pembukaan taman-taman baru yang akan meningkatkan lagi saiz pasaran. Memandangkan kepada ekonomi Negara yang berkembang secara positif turut menyumbang kepada potensi perkembangan kedai E-BU TELEKOMUNIKASI & EXS.

PENGURUSAN

6.0 ASPEK PENGURUSAN

6.1 STRUKTUR ORGANISASI

Struktur Organisasi yang dibentuk oleh E-BU TELEKOMUNIKASI & EXS. adalah merangkumi keseluruhan aspek pengurusan sebagai sebuah perniagaan secara keseluruhannya, Struktur Organisasi adalah seperti berikut;



Nota:

Pengurus/ Pemilik Merangkap :

- 1. Bahagian Kewangan & Pentadbiran**
- 2. Bahagian Perkhidmatan dan Operasi**

6.2. FUNGSI DAN TANGGUNG JAWAB

Kedai **E-BU TELEKOMUNIKASI & EXS** telah menyusun Fungsi dan tanggung jawab berikut bagi melincinkan lagi pengurusan perkhidmatan kami.

6.2.1. Pengurus Operasi / Pentadbiran

Pengurus Operasi (pemilik) bertanggung jawab dalam segala aspek pengurusan dan pentadbiran perniagaan agar berjalan lancar mengikut jadual yang dirancang. Ia juga merancang peruntukan perbelanjaan perniagaan dan memastikan pekerja – pekerja membuat kerja mengikut standard (SOP) untuk memastikan layanan terhadap pelanggan memuaskan. Di samping itu kebajikan pekerja agar mewujudkan persekitaran yang sihat dan meningkatkan prestasi kerja dikalangan mereka.

6.2.2 Pengurus Pemasaran.

Pengurus Pemasaran ini hendaklah memastikan setiap pelanggan berpuas hati, bertanggung jawab dan berusaha mencari peluang pemasaran dan mesra pelanggan secara interaksi juga dengan pembekal supaya dapat harga yang berpatutan juga lain-lain perniagaan. Merancang pelan pemasaran bagi menjamin perkhidmatan berjalan lancar.

6.2.3 Pengurus Kewangan

Pengurus Kewangan bertanggung jawab dalam segala aspek kewangan seperti melibatkan pembelian bekalan dan kawalan stok operasi, menyediakan bajet dan keperluan kewangan dan kenal pasti sumber kewangan serta mengawal kewangan perniagaan menganalisa dan melaporkan prestasi kewangan.

6.2.4 Pekerja Am

Pekerja Am hendaklah menjalankan tugas –tugas sebagaimana yang telah ditentukan. serta bertanggung jawab memastikan kebersihan dan keselamatan Kedai serta Menerima arahan dari Pengurus Operasi & Pentadbiran dari masa ke semasa.

6.3 GAJI DAN GANJARAN

Perniagaan **E-BU TELEKOMUNIKASI & EXS** menyediakan pakej gaji yang berpatutan kepada kakitangannya. Gaji dan ganjaran kakitangan / komisen jualan kepada pekerja sebagai inisitif adalah seperti jadual di bawah.

Jawatan	Gaji (RM)	Elaun (RM)	KWSP (RM)	PERKESO (RM)	Jumlah (RM)
1. Pengurus	3,000.00	-	-	-	3,000.00
2. Pekerja @ RM 600	600.00	-	72.00	12.00	684.00
JUMLAH	3,600.00		72.00	12.00	3,684.00

6.4 BELANJA PENGURUSAN

Bagi tujuan pengurusan, **E-BU TELEKOMUNIKASI & EXS** menganggarkan perbelanjaan dalam sebulan mengikut pelan peningkatan kapasiti perniagaannya adalah seperti berikut.

Bil	Jenis Perbelanjaan	Jumlah (RM)
1	Elaun Pengurus	3000.00
2	Gaji dan Elaun Pekerja	600.00
3	KWSP dan PERKESO	84.00
4	Sewa Lot Perniagaan	500.00
5	Air & Elektrik	700.00
6	Telefon & Faks	300.00
7	Alatulis & Belanja Pejabat	150.00
8	Perjalanan & Pengangkutan	150.00

9	Senggaraan Kedai dan Mesin	200.00
10	Keraian dan Promosi	200.00
11	Belanja Pelbagai & Kontigensi	200.00
	JUMLAH	6,084.00

6.5 STRATEGI PENGURUSAN

Kaedah pengurusan perniagaan dan kakitangan yang baik dan sistematik amat mustahak di dalam usaha memajukan perniagaan. Oleh itu, **E-BU TELEKOMUNIKASI & EXS** telah mengatur beberapa strategi pengurusan seperti berikut;

- 6.5.1 Menerapkan semangat kerja berpasukan (*team-work*) di antara para kakitangan untuk faedah bersama.
- 6.5.2 Memberi bimbingan kepada kakitangan supaya dapat menunjukkan prestasi kerja yang baik serta bertanggungjawab terhadap tugas yang diberikan.
- 6.5.3 Setiap pihak samada para pekerja bawahan atau pengurusan sentiasa berbincang dan memberi pendapat serta cadangan tentang cara terbaik untuk menghasilkan kerja yang lebih cekap dan sistematik
- 6.5.4 Harga perkhidmatan yang ditawarkan mengikut pasaran dan berpatutan, memberi perkhidmatan yang berkualiti dan mempamirkan kos perkhidmatan dengan jelas dan terang.
- 6.5.5 Kedai **E-BU TELEKOMUNIKASI & EXS** sentiasa memberikan layanan mesra dan menarik hati pelanggan.

TEKNIKAL DAN

PERKHIDMATAN

7.0 RANCANGAN TEKNIKAL/PERKHIDMATAN

Kemudahan Asas Premis

Premis perniagaan memiliki segala kemudahan asas yang sepatutnya , seperti bekalan Air, elektrik dan telefon. Premis perniagaan terletak di tepi jalan utama dan merupakan kawasan yang berpotensi dan berdaya maju.

7.1 Lokasi Premis

Bangunan	: Kedai Ubahsuai
Alamat	: No. 1, Kg. Padang Sari, Jalan Parit Sulong, Batu Pahat, Johor.
Luas Lantai	: 10 ' x 12'
Status Bangunan	: Kedai Binaan
Hak Milik	: Bumiputra/ Persendirian
Nama Pemilik	: En. Sabreen bin Hasbullah
Kos Sewa	: RM 500.00/ bulan
Kedudukan tapak	: Di tepi Jalan Utama

7.2. SWOT ANALISIS

<p>KEKUATAN (STRENGTH)</p> <ol style="list-style-type: none">1. Produk yang amat diperlukan2. Digunakan oleh pelbagai kaum dan lapisan masyarakat.3. Harga yang berpatutan.4. Mudah diperolehi.5. Produk tidak rosak6.. Kerap mengadakan promosi Sebagai tarikan pelanggan	<p>WEAKNESS (KELEMAHAN)</p> <ol style="list-style-type: none">1. Peratus keuntungan kad prepaid Rendah.2. Masih kekurangan ilmu dalam bidang ini.3. Mendapatkan pekerja yang boleh dipercayai
<p>PELUANG (OPPORTUNITY)</p> <ol style="list-style-type: none">1, Mudah dipasarkan2. Kedudukan tempat yang strategik3. Mendapat penambahan ilmu IT4. Perkembangan Teknologi Semasa5. Merebut peluang pemasaran Barangan telekomunikasi terkini	<p>ANCAMAN (THREAT)</p> <ol style="list-style-type: none">1. Wujudnya pesaingan antara peniaga yang menyebabkan pasaran terpaksa dikongsi

7.3 HARTA TETAP DAN KELENGKAPAN YANG DIPERLUKAN

Melalui pembiayaan kewangan yang dipohon ini, **E-BU TELEKOMUNIKASI & EXS** akan membeli aset tetap dan kelengkapan kedai tambahan seperti jadual di bawah.

Bil	Jenis/Model	Harga/Unit (RM)	Kuantiti	Nilai (RM)
1	Lap Top	3,000.00	1	3,000.00
2	Mesin Fotostat	7,000.00	1	7,000.00
3	Alat Binding	1,000.00	1	1,000.00
4	Mesin Liminate	1,000.00	1	1,000.00
5	Meja Peraga	10,000.00	1 set	10,000.00
6	Stapler Besar	500.00	1	500.00
7	Punch Besar	500.00	1	500.00
8	Rak-Rak Stok	2,300.00	1 set	2,300.00
9	Perabut kelengkapan Pej.	1,200.00	1 set	1,200.00
JUMLAH		26,500.00		26,500.00

UBAHSUAI **6,000.00**
JUMLAH ASET DAN HARTA TETAP **32,500.00**

7.4 STOK BEKALAN BAHAN

Disamping membeli harta tetap dan kelengkapan kedai, pembiayaan kewangan ini juga akan digunakan untuk membeli stok bekalan dan bahan

untuk permulaan. Bahan-bahan yang diperlukan oleh perniagaan sebagai

stok bekalan permulaan adalah seperti berikut:

Bil.	Butiran	Kuantiti	Amaun RM
1.	Kad Prepaid	RM 10.00 x 300	3,000.00
2.	Reload	RM 1,000.00 x 3	3,000.00
3.	Eksesori Telefon (Pelbagai jenis)	RM 5,000.00	5,000.00
4.	Kertas Fotostat A4	50 rim x 10.00	500.00
5.	Toner	4 tiub x 250.00	1,000.00
6.	Pelastik Laminate	3 kotak x 100.00	300.00
7.	Kertas Warna (+ 5 warna)	5 rim x 20.00	100.00
8.	Alat tulis lain (+)	1 set	500.00
9.	Pelastik Binding (Pelbagai saiz)	1 set	100.00
JUMLAH BELIAN			13,500.00

Kesemua bahan yang disenaraikan ini diaggarkan bernilai **RM 13,500.00**

7.5. ANGGARAN BELIAN

Anggaran Belian yang adalah seperti berikut:-

BULAN	KAD PREPAID / aksesori	FOTOSTAT/BINDING / LIMINATE	LAIN-LAIN Alat tulis	JUMLAH(RM)
1	20,000.00	2,500.00	5,500.00	28,000.00
2	20,000.00	2,500.00	5,500.00	28,000.00
3	20,000.00	2,500.00	5,500.00	28,000.00
4	21,000.00	2,625.00	5,555.00	29,180.00
5	21,000.00	2,625.00	5,555.00	29,180.00
6	21,000.00	2,625.00	5,555.00	29,180.00
7	22,050.00	2,756.25	5,610.55	30,416.80
8	22,050.00	2,756.25	5,610.55	30,416.80
9	22,050.00	2,756.25	5,610.55	30,416.80
10	23,152.50	2,894.06	5,666.66	31,713.22
11	23,152.50	2,894.06	5,666.66	31,713.22
12	23,152.50	2,894.06	5,666.66	31,713.22
JUMLAH	258,607.50	32,325.94	66,996.62	357,930.05

Anggaran 3 tahun Belian :-

BULAN	TAHUN 1 (RM)	TAHUN 2 (RM)	TAHUN 3 (RM)
1	28,000.00	32,347.48	35,013.96
2	28,000.00	32,347.48	35,013.96
3	28,000.00	32,347.48	35,013.96
4	29,180.00	32,994.43	35,714.23
5	29,180.00	32,994.43	35,714.23
6	29,180.00	32,994.43	35,714.23
7	30,416.80	33,654.32	36,428.52
8	30,416.80	33,654.32	36,428.52
9	30,416.80	33,654.32	36,428.52
10	31,713.22	34,327.41	37,157.09
11	31,713.22	34,327.41	37,157.09
12	31,713.22	34,327.41	37,157.09
JUMLAH	357,930.05	399,970.93	432,941.39

7.6 **DEPOSIT**


Bil	Perkara/Keterangan	Harga/Unit	Jumlah (RM)
1.	Deposit Kedai		1500.00
2.	Elektrik		350.00
3.	Air		350.00
4.	Telefon		300.00
	JUMLAH BESAR		2,500.00

7.7. SENARAI PEMBEKAL BARANG NIAGA


Bekalan stok alat ganti **E-BU TELEKOMUNIKASI & EXS** akan diperolehi daripada beberapa pembekal yang sememangnya telah lama berurusan dengan pemilik perniagaan. Di antara pembekal yang membekalkan stok barang niaganya adalah seperti jadual di bawah.

No	Nama dan Alamat	Jenis Bekalan	Cara Pembayaran
1.	MOBILE LAB, 12,JLN. KUNDANG1, TMN. BUKIT PASIR, BP,JOHOR.	Accessories Telefon	Cek/ Tunai
2.	EXPRESS TOUCH SDN. BHD Taman Bintang Batu Pahat, Johor..	Kad Telefon Maxis Celcom Digi	Cek. Tunai
3.	Intan Book Store Jalan Jenang, Batu Pahat, Johor.	Alat tulis	Cek / Tunai

7.8. CARTA ALIRAN PROSES KERJA



7.9. **SUSUN ATUR DALAMAN**



7.10 **STRATEGI PERKHIDMATAN.**

Di antara strategi perkhidmatan yang telah diaturkan oleh **E-BU TELEKOMUNIKASI & EXS.** adalah seperti berikut;

7.10.1 Menerima pelanggan dengan hati terbuka,

7.10.2 .Menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti dan menangani segala masalah dan rungutan pelanggan dengan baik

7.10.3. Sentiasa berbincang dan memberikan khidmat nasihat yang terbaik kepada pelanggan agar pelanggan sentiasa berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan.

7.10.4. Menawarkan kaedah belian top-up kepada pelanggan tetap secara on-line. .

7.10.5. Mempelbagan kaedah promosi jualan dari masa ke semasa.

PEMASARAN

8.0 PEMASARAN

8.1 Senarai Jualan Dan Perkhidmatan serta Harga Yang Di Tawarkan adalah seperti berikut.

TELEKOMUNIKASI & EXS

Bil.	Perkara	Harga RM
1.	Housing Biasa	5.00
2.	Housing Ori	15.00 /25.00/35.00
3.	Cassing (sarung H/P) Pelastik/ Getah	5.00
4.	Internal Bateri Biasa	15.00
5.	Internal Bateri Ori	35.00/
6.	Travel Charger Biasa / Kereta	10.00
7.	Travel Charger Ori	35.00
8.	Hand Free	30.00/25.00/20.00
9.	USB Data Cable	38.00
10.	Screen Guard	5.00
11.	USB Data cable	38.00
12.	MMC Mobile (2GB/ 1GB)	140.00/70.00
13.	Data Traveler (2GB/ 1GB)	50.00/ 35.00
14.	Telefon H/P (Ikut Jenama dan Jenis)	Ke atas 150.00
15.	Accessories Telefon (Ikut Jenis)	Ke atas 5.00

8.2. ANGGARAN KEUNTUNGAN TELEKOMUNIKASI

	Sim Kad		Kad Prepaid		Reload SMS	
	Beli	Dapat	Beli	Dapat	Beli	Dapat
Celcom	8.50	7.80	Setiap belian	4%	setiap belian	7%
Maxis	8.80	7.00		4%		6%
Digi	8.90	7.50		4%		4%

8.3. PERKHIDMATAN LAIN

Bil.	Perkara	Harga RM
1.	Fotostat (Ikut Saiz Kertas)	Ke atas 0.05
2.	Binding (Ikut Saiz Kertas)	Ke atas 1.00
3.	Liminate (Ikut Saiz Kertas)	Ke atas 1.00
4.	Cetak (Ikut Saiz Kertas)	Ke atas 0.50
5.	Lain-lain Perkhidmatan	Ikut Jenis
6.		

8.3. Kumpulan Sasaran

Kumpulan sasaran utama adalah terdiri dari penduduk –penduduk kawasan Taman – Taman perumahan, yang tinggal di sekitar dan juga pekerja –pekerja kilang dan kakitangan kerajaan yang berada di kawasan yang berdekatan.

Pelajar-pelajar hingga ke usia tua pelbagai kaum.


8.4. Kawasan Pasaran.

Kawasan pasaran di sekitar 5 km merangkumi penduduk –penduduk kawasan Taman – Taman juga orang ramai yang melalui kawasan berkenaan.

ANTARA NAMA TEMPAT DI KAWASAN BERHAMPIRAN

Nama Tempat	Nama Tempat
Taman Sri Sulong	Kg. Tambak
Taman Bintang	Kg. Parit Maimun
Kg. Bagan	Darat/ Laut
Kg Bintang	”
Kg Pedada Kuning	Kg. Parit Lapis (1—5) Darat/ Laut
Kg. Asam Kumbang	Kg. Parit Lapis Maimun
Kg. Mampan	Kg. Parit Lapis Batu Putih
Kg. Parit Besar	Kg.. Kg. Separap
Kg. Parit Bengkok	Kg. Parit Puasa
Kg. Batu Putih	Kg. Parit Mustaffa
Kg. Padang Sari	Kg. Parit Che Mat
Kilang Elektronik	Kg. Parit Sentang
Maktab Rendah Sains MARA	Kg. Gombak dan lain-lain kampung.
Sek Rendah Kebangsaan di setiap Kg.	SMK Dato' Onn
	SMK Sulaiman Menteri
	SK Penghulu Sallah

8.5. PELAN KASAR LOKASI



JARAK SIMPANG LIMA BAGAN KE PARIT SULONG - 15 KM

8.6. Saiz Pasaran

Saiz pasaran yang dikenal pasti adalah kawasan penduduk dari berbagai bangsa. Melalui pemerhatian di anggarkan terdapat 10,000 keluarga x 3 = 30,000 orang, di mana majoriti adalah bumiputra, bukan bumi dan warga asing. (BAHAGIAN DARAT DAN LAUT)

8.7. Pesaing Dan Syer Pesaing.

Pesaing dalam perniagaan perkhidmatan Telekomunikasi di kawasan ini yang telah pasti hanya ada 3 buah kedai Telekomunikasi.

Jumlah Syer Pasaran = RM 379,750.00

Bil.	Nama pesaing,	% Syer Pesaing	Syer Pasaran
1.	Perniaaan Telekomunikasi Taman Sri Sulong, Batu pahat.	40 %	151,900.00
2.	Kedai Telekomunikasi, Taman Sri Sulong, Batu Pahat	30 %	113,925.00
3.	Syarikat Telekomunikasi dan Komputer, Taman bintang, Batu Pahat.	20 %	75,950..00
4.	E-BU Telekomunikasi (Sendiri)	10 %	37,975.00
JUMLAH SYER			379,750.00

8.8. Syer Pasaran. 10 %

Bilangan Unit Rumah , Pekerja, Pelajar.

BIL.	RUMAH/ PEKERJA/ PELAJAR	Jumlah Penduduk	Kuasa Beli	Saiz Pasaran
1.	Pekerja – Pekerja Kilang /K. Kerajaan	3,000	20.25 X 3,000	60,000.00
2.	Pelajar (MRSM dan sekolah berdekatan)	5,000	6.75 X 5000	33,750.00
3.	Penduduk Taman /Kampung	22,000	13.00 X 22,000	286,000.00
JUMLAH SYER PASARAN		30,000	-	379,750.00

8.9 E-BU TELEKOMUNIKASI & EXS
ANGGARAN UPAH PERKHIDMATAN (JUALAN)

Anggaran upah perkhidmatan yang diperolehi melalui proses perkhidmatan lain adalah seperti berikut:-

BULAN	KAD PREPAID/ Perkhid.	FOTOSTAT/BINDING / LIMINATE	LAIN-LAIN	JUMLAH(RM)
1	25,000.00	5,000.00	7,975.00	37,975.00
2	25,000.00	5,000.00	7,975.00	37,975.00
3	25,000.00	5,000.00	7,975.00	37,975.00
4	26,250.00	5,250.00	8,054.75	39,554.75
5	26,250.00	5,250.00	8,054.75	39,554.75
6	26,250.00	5,250.00	8,054.75	39,554.75
7	27,562.50	5,512.50	8,135.30	41,210.30
8	27,562.50	5,512.50	8,135.30	41,210.30
9	27,562.50	5,512.50	8,135.30	41,210.30
10	28,940.63	5,788.13	8,216.65	42,945.40
11	28,940.63	5,788.13	8,216.65	42,945.40
12	28,940.63	5,788.13	8,216.65	42,945.40
JUMLAH	323,259.38	64,651.88	97,145.09	485,056.34

8.10 Anggaran 3 tahun pendapatan dari upah perkhidmatan (Jualan):-

BULAN	TAHUN 1 (RM)	TAHUN 2 (RM)	TAHUN 3 (RM)
1	37,975.00	43,804.31	47,415.19

2	37,975.00	43,804.31	47,415.19
3	37,975.00	43,804.31	47,415.19
4	39,554.75	44,680.39	48,363.50
5	39,554.75	44,680.39	48,363.50
6	39,554.75	44,680.39	48,363.50
7	41,210.30	45,574.00	49,330.77
8	41,210.30	45,574.00	49,330.77
9	41,210.30	45,574.00	49,330.77
10	42,945.40	46,485.48	50,317.38
11	42,945.40	46,485.48	50,317.38
12	42,945.40	46,485.48	50,317.38
JUMLAH	485,056.34	541,632.56	586,280.51

BULAN 1 - 3 = RM 37,975.00

BULAN 4 - 6 = RM 39,554.75

BULAN 7 - 9 = RM 41,210.30

BULAN 10 - 12 = RM 42,945.40

**PERTAMBAHAN ANTARA 4.00 HINGGA 4.5 %
DIANGGARKAN SETIAP SUKU TAHUN MEMANDANGKAN
TAMAN-TAMAN BARU DAN RUMAH-RUMAH DIKAMPUNG PERSEKITARAN
SEMAKIN BERTAMBAH.**

8.11. Strategi Pemasaran.

8.11.1. Promosi

Diantara strategi promosi yang akan dilakukan oleh **E-BU TELEKOMUNIKASI & EXS E-BU TELEKOMUNIKASI & EXS** bagi menawarkan dan memperkenalkan khidmatnya ialah;Mengekalkan hubungan peribadi yang baik dengan pelanggan

Memberikan perkhidmatan yang lebih cekap, pantas dan tepat pada masa yang singkat.

8.11.2. Lokasi

Lokasi yang terletak di tepi jalan utama merupakan lokasi yang strategik untuk perniagaan perkhidmatan Telekomunikasi..

8.11.3. Harga

Penetapan harga yang di letakan ke atas perkhidmatan yang ditawarkan adalah berpatutan, kompetitif iaitu mengikut kadar pasaran seperti yang telah ditetapkan pesaing-pesaing lain.

8.11.4. Produk

Produk yang ditawarkan kepada para pelanggan juga adalah berkualiti dan sentiasa mengikut perubahan teknologi terkini dan memenuhi kehendak pelanggan.



KEWANGAN

9. ASPEK KEWANGAN.

9.1. Kos Pelaburan Projek

Berdasarkan kepada perancangan perniagaan **E-BU TELEKOMUNIKASI & EXS** dan memohon pembiayaan untuk

perniagaan ini, **E-BU TELEKOMUNIKASI & EXS** telah menganggarkan kos pelaburan yang diperlukan adalah seperti berikut;

E-BU TELEKOMUNIKASI & EXS

BELANJA OPERASI

Jawatan	Gaji (RM)	Elaun (RM)	KWSP (RM)	PERKESO (RM)	Jumlah (RM)
1. Pengurus	3,000.00		-	-	3,000.00
2. Pekerja	600.00	-	72.00	12.00	684.00
JUMLAH	3,600.00	-	72.00	12.00	3,565.00

9.2. ANGGARAN PERBELANJAAN OPERASI :

Jenis Perbelanjaan	Jumlah Sebulan (RM)	Jumlah Setahun (RM)
Gaji & Elaun Pengurus	3,000.00	36,000.00
Gaji dan Elaun Pekerja	600.00	7,200.00
KWSP dan PERKESO	84.00	1,008.00
Sewa Lot Perniagaan	500.00	18,000.00
Air & Elektrik	700.00	8,400.00
Telefon & Faks	300.00	3,600.00
Alatulis & Belanja Pejabat	150.00	1,800.00
Perjalanan & Pengangkutan	150.00	1,800.00
Senggaraan Kedai dan Mesin	200.00	2,400.00
Keraian dan Promosi	200.00	2,400.00
Belanja Pelbagai	200.00	2,400.00
JUMLAH	6,084.00	85,008.00

9.3. E-BU TELEKOMUNIKASI & EXS

ANGGARAN BELIAN STOK BAHAN PERKHIDMATAN

Anggaran keperluan bekalan stok adalah seperti berikut:-

Bil	Perkara	Harga / Unit (RM)	Kuantiti	Nilai (RM)
1	Kad Prepaid	l/sum		10,000.00
2	Exsesori H/P			2,355.00
3	Kertas Fotostat A4	9.00	20	180.00
4	Refil Ink Fotostat	300.00	1	300.00
5	Film Liminate	200.00	1	200.00
6	Pelastik binding	120.00	1	120.00
7	Kertas Fotostat A3	15.00	3	45.00
8	Roller Binding		1 set	150.00
9	kertas Warna campur	19.00	8	150.00
	JUMLAH BESAR			13,500.00

**9.4. E-BU TELEKOMUNIKASI &
EXS.**

KOS PROJEK

PERKARA / MODEL	JUMLAH
------------------------	---------------

A) BELANJA PERMULAAN	-
Deposit	2,500.00
Daftar PERNIAGAAN	200.00
Lesen Majlis Perbandaran	300.00
Dokumentasi & Guaman	400.00
Latihan & Kursus	600.00
Majlis Pelancaran	1,000.00
Stok Permulaan	13,500.00
	18,500.00
B) PEMBELIAN ASET TETAP	
Mesin	13,000.00
Peralatan	12,300.00
Perabut	1,200.00
Ubahsuai	6,000.00
	32,500.00
C) MODAL PUSINGAN	
Belanja Pentadbiran / Operasi	6,084.00
Belanja luar jangka	2916.00
	9,000.00
JUMLAH	60,000.00

E-BU TELEKOMUNIKASI & EXS

9.5. SUMBER PEMBIAYAAN PROJEK

PERKARA / MODEL	JUMLAH RM	MODAL SENDIRI (RM)	PEMBIAYAAN MARA (RM)
A) BELANJA PERMULAAN	-	-	
Deposit	2,500.00	2,500.00	
Daftar PERNIAGAAN	200.00	200.00	
Lesen Majlis Perbandaran	300.00	300.00	
Dokumentasi & Guaman	400.00	400.00	
Latihan & Kursus	600.00	600.00	
Majlis Pelancaran	1,000.00	1,000.00	
Stok Permulaan	13,500.00	5,000.00	8,500.00
	18,500.00		
B) PEMBELIAN ASET TETAP			
Mesin	13,000.00		13,000.00
Peralatan	12,300.00		12,300.00
Perabut	1,200.00		1,200.00
Ubahsuai	6,000.00		6,000.00
	32,500.00		
C) MODAL PUSINGAN			
Belanja Pentadbiran / Operasi	6,084.00		6,084.00
Belanja luar jangka	2,916.00		-
	9,000.00		
JUMLAH	60,000.00	10,000.00	50,000.00

9.6. Anggaran Aliran Wang Tunai dan Penyata Kewangan.

Oleh kerana projek ini merupakan projek perniagaan yang baru maka Anggaran Penyata Aliran Wang Tunai yang dibentangkan ini mengambilkira perkara-perkara berikut;

9.2.1 Pembiayaan ini diperolehi terlebih dahulu sebelum kapasiti operasi dapat ditingkatkan

9.2.2 Anggaran Aliran tunai dan prestasi kewangan disediakan selama 3 tahun selepas pembiayaan.

9.2.3 Belian daripada pembekal dibuat secara tunai atau bayaran tertunda kurang 1 bulan.

9.2.4 Penyediaan Anggaran Penyata Pendapatan mengambil kira susutnilai aset melalui kaedah garis lurus mengikut peratus susutnilai seperti berikut;

- Mesin	20%
- Peralatan	15%
- Perabut	10%
- Ubahsuai	10%
- Komputer	50%

10. JUSTIFIKASI DAN PENUTUP

Berdasarkan kepada perancangan dan unjuran pendapatan yang telah dibentangkan, perniagaan amat berkeyakinan bahawa perniagaan yang diceburi ini akan memberi pulangan yang menguntungkan. Unjuran-unjuran yang dibuat untuk tahun pertama operasi selepas mendapat pembiayaan adalah amat konservatif kerana mengambilkira faktor perniagaan masih di peringkat awal membuat pemasaran untuk membekal kepada pelanggan organisasi.

Perniagaan telah membuat kajian dan perancangan yang sistematik bagi membolehkan perniagaan berjalan dengan lancar. Oleh yang demikian perniagaan **E-BU Telekomunikasi & Exs.** amat optimis, yang perniagaan ini amat berdaya maju dan mampu berkembang di masa hadapan.

i

Diharap permohonan ini mendapat pertimbangan sewajarnya daripada pihak institusi kewangan, kerana melalui cara ini sahaja perniagaan dapat dikembangkan. Perniagaan amat berharap ia diberikan peluang untuk turut sama-sama menjadi sebahagian daripada *Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)* yang berjaya di negara in.

10.1. ALIRAN WANG TUNAI

10.2. UNTUNG RUGI

10.3. KUNCI KIRA-KIRA ----- SEPERTI DILAMPIRAN